



PENDIDIKAN

ARKIB : 30/10/2001

18 kertas kerja dibentangkan di IAB

SEBANYAK 18 kertas kerja akan dibentangkan oleh cendekiawan tanah air pada Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-10 anjuran Institut Aminudin Baki (IAB) bermula hari ini.

Antara mereka yang akan membentangkan kertas kerja ialah bekas wakil Malaysia ke Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Prof. Dr. Hussein Ahmad dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Swasta, Datuk Hassan Hashim.

IAB dalam kenyataannya baru-baru ini berkata, Dr. Hussein akan mengulas tema seminar iaitu 'Kesepaduan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan: Keperluan dan Tuntutan', manakala Hassan pula akan membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pemimpin dan Kepimpinan Di Sekolah Swasta: Satu Pemerhatian'.

Seminar yang akan dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad ini akan berlangsung sehingga 1 November ini.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1030&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_05.htm#ixzz2vj6wg7q5

© Utusan Melayu (M) Bhd